

OLAK BERJALUR
Streaked Shearwater

FAMILI: Procellariidae

NAMA SAINTIFIK: *Calonectris leucomelas*

CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz yang besar berbanding dengan spesies Olak, *Calonectris spp*, yang lain di mana bahagian atas badan dan bahagian atas sayap berwarna coklat kekelabuan manakala bahagian bawah badan berwarna putih. Individu ini mempunyai bahagian bawah pangkal sayap yang berwarna putih di mana pada bahagian primer sayap terdapat tompokan yang berwarna gelap. Ia juga mempunyai bahagian kepala yang berwarna putih serta terdapat jalur-jalur berwarna gelap pada bahagian mahkota kepala, belakang tengkuk dan bahagian sisi telinga. Bahagian mahkota kepala dan sisi telinga berwarna gelap manakala jalur pada bahagian mata berwarna putih. Bahagian paruh individu ini berwarna kelabu pudar ke warna kelabu ke merah jambu di mana bahagian hujungnya berwarna gelap. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 48 sm-49 sm.

MAKANAN

Makanan utama spesies ini terdiri daripada sotong, organ haiwan yang mati, telur dan burung-burung yang belum matang serta anak penyu.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan lautan dan jarang dijumpai di kawasan pendalaman.

PEMBIAKAN

Spesies ini membiak secara monogami tetapi di dalam satu koloni yang besar. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 1 biji berwarna putih.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.